



LEMBARAN PENDEDAHAN PRODUK

Sila baca Lembaran Pendedahan Produk ini sebelum anda membuat keputusan untuk memiliki Debit PB Perbankan Red Carpet (RCB) Elite/Gold atau Debit PB Visa/MasterCard/Union Pay Lifestyle. Pastikan juga anda membaca terma dan syarat amnya.

Public Bank Berhad (6463-H)

Debit PB RCB Elite/Gold – Akaun Simpanan/
Akaun Semasa

Debit PB Visa/MasterCard Lifestyle – Generik

Debit PB Visa/MasterCard Lifestyle – Akaun
Simpanan Asas/Akaun Semasa Asas

Debit PB UnionPay Lifestyle – Akaun
Simpanan PB UnionPay

Tarikh:

1. Apakah produk ini?

Debit PB RCB Elite/Gold atau Debit PB Visa/MasterCard/UnionPay Lifestyle ialah kad dua-dalam-satu yang menggabungkan fungsi-fungsi kad debit Visa/MasterCard/UnionPay dan ATM. Kad ini dirangkaikan kepada Akaun Simpanan/Akaun Semasa/Akaun Simpanan Asas/Akaun Semasa Asas/Akaun Simpanan PB UnionPay (“Akaun Perbankan”) individu berkenaan dan apa-apa perbelanjaan akan ditolak terus daripada Akaun Perbankan. Ini adalah Debit PB RCB Elite/Gold atau Debit PB Visa/MasterCard/UnionPay Lifestyle, suatu instrumen pembayaran yang membolehkan anda membayar melalui potong terus untuk kos bagi barang dan perkhidmatan daripada Akaun Perbankan anda di rangkaian runcit dan perkhidmatan yang mengambil bahagian. Anda perlu mengekalkan Akaun Perbankan dengan kami, untuk dirangkaikan kepada Debit PB RCB Elite/Gold atau Debit PB Visa/MasterCard/UnionPay Lifestyle anda. Jika anda menutup Akaun Perbankan anda yang dikendalikan dengan kami, Debit PB RCB Elite/Gold atau Debit PB Visa/MasterCard/UnionPay Lifestyle tersebut akan terbatal secara automatik.

2. Apakah fi dan caj yang perlu saya bayar?

(i) Fi Tahunan

- Debit PB RCB Elite/Gold: Dikecualikan
- Debit PB Visa/MasterCard/UnionPay Lifestyle: RM8.00
- Debit PB Visa/MasterCard Lifestyle (bagi Akaun Simpanan Asas/Akaun Semasa Asas): Dikecualikan (tertakluk pada lapan (8) pengeluaran tunai melalui ATM dan enam (6) pengeluaran tunai melalui kaunter setiap bulan*)

*Nota:

Fi kerana melebihi had adalah sebanyak RM1.00 untuk setiap urus niaga. Bagaimanapun, pelanggan boleh memilih untuk membuat pengeluaran tunai melalui ATM dan urus niaga melalui kaunter tanpa had dengan membayar fi tahunan kad ATM sebanyak RM8.00.



2. Apakah fi dan caj yang perlu saya bayar?, sambungan

(ii) Fi Penukaran Kad

PERCUMA, hanya diterima pakai untuk:

- Penukaran PB BankCard/Kad PB Day2Day yang sedia ada ke Debit PB Visa/MasterCard Lifestyle.
- Penukaran PB BankCard/Kad PB Day2Day/Debit PB Visa/MasterCard Lifestyle yang sedia ada ke Debit PB RCB Elite/Gold.

(iii) Penalti Penggantian Kad

RM12.00

(iv) Fi Pengeluaran Tunai

- Melalui ATM Public Bank: Dikecualikan
- Melalui ATM Bank Anggota MEPS: RM1.00 bagi setiap urus niaga yang berjaya
- Melalui ATM Bukan Anggota MEPS: RM10.00 bagi setiap urus niaga yang berjaya

(v) Fi Pengeluaran Tunai bagi Kad Debit PB Visa Lifestyle (melalui POS)

RM1.50 dikenakan bagi setiap urus niaga Pengeluaran Tunai yang berjaya dibuat di Tempat Jualan (POS) selepas pembelian.

Jumlah maksimum Pengeluaran Tunai adalah sebanyak RM500.00 bagi setiap urus niaga yang berjaya.

(vi) Fi Pertukaran Bagi Urus niaga di Luar Negeri

Urus niaga yang dibuat dalam mata wang asing akan ditukarkan kepada Ringgit Malaysia menggunakan Dolar AS sebagai mata wang asas pada tarikh ia diterima dan/atau diproses pada kadar pertukaran seperti yang akan ditentukan oleh Visa International/MasterCard Worldwide/UnionPay International atas budi bicara mutlakanya. Selain itu, anda juga perlu membayar Spread Pertukaran Asing sebanyak 1.25% daripada jumlah Ringgit Malaysia yang ditukarkan bagi pertukaran urus niaga yang dibuat dalam mata wang asing. Kadar pertukaran mungkin berbeza daripada kadar yang digunakan pada tarikh urus niaga disebabkan naik turun pasaran. Kadar yang dikenakan hendaklah muktamad dan konklusif dan Ahli Kad hendaklah menanggung kesemua risiko pertukaran, kerugian, komisen dan caj-caj bank yang lain yang mungkin dikenakan.

(vii) Fi Pencarian Rekod Jualan

Salinan Asal: RM15.00 bagi setiap set

Salinan Pendua: RM10.00 bagi setiap salinan pendua

(viii) Fi Memohon Penyata Tambahan

RM5.00 untuk setiap permohonan



2. Apakah fi dan caj yang perlu saya bayar?, sambungan

(ix) Fi Pertanyaan Baki

Dikecualikan

(x) Apa-apa cukai yang perlu dibayar atau dikuatkuasakan.

3. Apakah terma-terma dan syarat-syarat utama?

(i) Perolehan Faedah

Baki kredit akan memberi faedah yang akan dikreditkan setiap bulan, dikira berdasarkan baki harian dalam Akaun Kad Debit. Kadar Faedah adalah berdasarkan Akaun Perbankan yang telah disediakan. Sila hubungi Pusat Perkhidmatan Pelanggan kami di 03-2176 8000 atau e-mel ke custsvc@publicbank.com.my untuk kadar faedah terbaharu yang diterima pakai.

(ii) Capaian Tunai

Pelanggan boleh mengeluarkan wang tunai di semua ATM dalam negara dan luar negara yang mempunyai logo Visa/PLUS (Kad Debit PB Visa Lifestyle) atau logo MasterCard/Cirrus (Kad Debit PB RCB Elite/Gold dan Kad Debit PB MasterCard Lifestyle) atau logo UnionPay (Kad Debit PB UnionPay Lifestyle).

- Pengeluaran Tunai melalui ATM Public Bank, fi perkhidmatan adalah percuma.
- Pengeluaran Tunai melalui ATM Bank Anggota MEPS, fi perkhidmatan biasa sebanyak RM1.00 bagi satu urus niaga akan dikenakan.
- Pengeluaran Tunai melalui ATM di luar negeri akan dikenakan fi perkhidmatan sebanyak RM10.00 bagi setiap urus niaga.

Nota:

Akaun Simpanan Asas/Akaun Semasa Asas: Komplementari Lapan (8) Pengeluaran Tunai Melalui ATM dan Komplementari Enam (6) Pengeluaran Tunai Melalui Kaunter; Fi melebihi had: RM1.00 untuk setiap transaksi yang mana-mana satu transaksi dilakukan.

(iii) Kawalan Kerap

PBe memudahkan urusan perbankan dari rumah atau pejabat, setiap hari, sepanjang tahun! Perkhidmatan yang disediakan termasuk pertanyaan baki, permintaan penyata, pindahan dana, maklumat urus niaga yang dibuat sebelum ini, pembayaran bil GIRO, perkhidmatan mengisi semula telefon bimbit serta lain-lain.

(iv) Jumlah Pralulus untuk Urus niaga Petrol di Pam Luar

Jumlah Pralulus sebanyak RM200.00 adalah diperlukan untuk urus niaga petrol di pam luar di stesen minyak tetapi sesetengah pengendali stesen minyak membenarkan pemilihan jumlah semasa di pam. Jumlah Pralulus akan dicajkan kepada Akaun Kad Debit apabila mengisi minyak. Jumlah pralulus ini akan dibalikkan dan hanya jumlah mengisi petrol yang sebenar akan dicaj ke akaun kad debit apabila Bank menerima jumlah penyelesaian yang sebenar daripada bank yang memperoleh. Purata pegangan bagi pralulus adalah selama tiga (3) hari.



3. Apakah terma-terma dan syarat-syarat utama?, sambungan

(v) Penyata Bulanan

E-Penyata bulanan percuma melalui perkhidmatan dalam talian untuk Ahli Kad memantau pembelian runcit mereka dengan menggunakan Debit PB RCB Elite/Gold atau Debit PB Visa/MasterCard/UnionPay Lifestyle. Semua maklumat mengenai urus niaga pembelian direkodkan dalam E-Penyata Bulanan. E-Penyata Bulanan hanya disediakan bagi Pemegang Kad yang berumur lapan belas (18) tahun dan ke atas.

Nota:

Penyata Bulanan dalam salinan keras dengan butir-butir mengenai semua urus niaga yang dibuat boleh didapati apabila diminta dengan fi bulanan sebanyak RM1.00.

(vi) Fungsi Tanpa Sentuh

Untuk membuat bayaran, hanya sentuh kad anda dengan ruang muka tanpa sentuh di pembaca terminal apabila diminta berbuat demikian. Nombor PIN atau tandatangan tidak diperlukan bagi urus niaga tanpa sentuh sehingga RM250.00 di Malaysia.

Had urus niaga tanpa sentuh kumulatif ditetapkan pada RM500.00 jika anda tidak menetapkan had yang anda kehendaki. Apabila urus niaga tanpa sentuh kumulatif mencecah RM500.00, anda dikehendaki membuat satu lagi urus niaga dengan memasukkan nombor PIN di terminal di Tempat Jualan (POS) atau membuat urus niaga melalui ATM dengan memasukkan nombor PIN. Selepas membuat urus niaga dengan memasukkan nombor PIN itu, had urus niaga tanpa sentuh kumulatif akan ditetapkan semula secara automatik.

Untuk menukar had urus niaga tanpa sentuh kumulatif, anda boleh membuatnya di ATM/CRM atau hubungi Meja Bantuan Perkhidmatan Kad PB di 03-2176 8000.

(vii) Ciri-ciri dan manfaat lain Debit PB RCB Elite/Gold dan Debit PB Visa/MasterCard/UnionPay Lifestyle:

- Tiada caj kewangan bulanan
- Tiada caj kelewatan bulanan
- Berfungsi sebaik kad kredit

(viii) Rangkaian Pembayaran

Semasa menggunakan Kad Debit PB RCB Elite/Gold atau Kad Debit PB Visa/MasterCard/UnionPay Lifestyle di Malaysia, pilihan rangkaian pembayaran akan ditentukan oleh pihak saudagar. Ini adalah selari dengan matlamat Bank Negara Malaysia untuk menggalakkan sistem pembayaran yang cekap.

4. Bagaimanakah sekiranya saya gagal untuk mununaikan tanggungjawab saya?

Liabiliti bagi Transaksi Tanpa Kebenaran

Sekiranya kad hilang/dicuri atau digunakan tanpa kebenaran, anda akan dipertanggungjawabkan bagi semua transaksi sekiranya anda melakukan penipuan, lewat-lewatkan untuk memaklumkan kepada Bank dalam tempoh masa semunasabah yang mungkin selepas mengetahui mengenai kehilangan/kecurian atau penggunaan kad tanpa kebenaran itu, mendedahkan PIN kepada orang lain secara sukarela, menulis PIN pada kad atau pada apa-apa sahaja yang amat dekat dengan kad dan yang boleh hilang bersama-sama dengan kad atau meninggalkan kad, atau barang yang didalamnya mengandungi kad tersebut, tidak mengawasi dan/atau sengaja membenarkan orang lain menggunakan kad tersebut. Jika siasatan mendapati bahawa anda terbabit dalam menyebabkan pengenaan caj tanpa kebenaran, anda akan dipertanggungjawabkan bagi semua caj berkenaan, termasuk caj kewangan, sama ada sebelum atau selepas Bank menerima pengesahan tersebut. Dengan ini adalah dipersetujui bahawa Bank tidak bertanggungjawab untuk memastikan bahawa Baki Semasa tidak melebihi jumlah yang ditetapkan oleh Bank.

5. Apakah risiko-risiko utamanya?

Anda mesti memaklumkan kepada Public Bank dengan serta-merta sebaik sahaja anda mendapati bahawa kad debit anda hilang atau telah dicuri. Untuk kehilangan dan kecurian kad, sila hubungi 03-2179 5000 atau membuat pembatalan kad melalui Perkhidmatan PBe. Anda mesti melaporkan kepada Bank dengan serta-merta sekiranya nombor PIN rahsia anda telah diketahui oleh orang lain.

Jika anda ingin tidak menerima Makluman Segera Tentang Urus Niaga Melalui SMS, anda tidak dapat mengambil tindakan segera untuk memaklumkan kepada Bank sekiranya berlaku urus niaga tanpa kebenaran ke atas akaun kad debit anda.

6. Apakah yang perlu saya lakukan jika terdapat perubahan pada butiran untuk menghubungi saya?

Sila kunjungi cawangan Public Bank yang terdekat untuk mengubah butiran perhubungan anda.

Anda mesti memaklumkan kepada kami mengenai apa-apa perubahan dalam butiran untuk menghubungi anda bagi memastikan semua surat-menyurat sampai kepada anda tepat pada waktunya.

7. Di mana saya boleh mendapatkan maklumat lanjut?

Sekiranya anda mempunyai apa-apa pertanyaan, sila hubungi Public Bank di:

PB Card Services
Public Bank Berhad
146 Jalan Ampang
50450 Kuala Lumpur
Malaysia
Telefon : 603-2176 8000
Faks : 603-2163 9400
E-mel : custsvc@publicbank.com.my
Laman Web : www.pbekbank.com

8. Produk-produk kad debit Public Bank lain yang disediakan

- Kad Debit PB Visa Electron
- Kad Debit PB UTAR MasterCard
- Kad Debit PB TARC MasterCard
- Kad Debit PB-Petron Visa

Maklumat yang disediakan dalam helaian maklumat produk ini sah pada 10 September 2019.